

### ﴿ KHUTBAH 3 ﴾

## HIKMAH DISEBALIK PENGHAYATAN IBADAH ZAKAT (1)

Dr. Yusof Jasmin @ Joseph Gimbad

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾ ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةً تُنْجِي قَائِلَهَا مِنْ  
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah.....

Terlebih dahulu khatib ingin berwasiat kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian agar sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan beramal soleh dan mengerjakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya agar kita mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ؕ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran [3] : 102)

**Kaum Muslimin Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.....**

Dalam kesempatan pada kali ini, mimbar Jumaat akan membicarakan khutbah bertajuk “HIKMAH DISEBALIK PENGHAYATAN IBADAH ZAKAT”.

Ibadah zakat, disyariatkan oleh Allah s.w.t kepada kita, bertujuan menguji sejauhmana keimanan dan kepatuhan kita kepada-Nya.

Firman Allah s.w.t, dalam surah al-Ankabut ayat 1-3;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الْم ﴿١﴾ أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾

وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ <sup>ط</sup> فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ

الْكَاذِبِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

“Alif, Laam, Miim. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "kami beriman", sedang mereka tidak diuji

*(dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta”.*

(QS al-Ankabut [29] : 1-3)

Seperti yang kita rasai sekarang ini, kebanyakan ahli masyarakat, merasakan bebanan peningkatan kos sara hidup. Namun kita juga menyaksikan kesesakan berlaku di jalan-jalan raya, demikian juga pasar-pasar raya, pusat-pusat membeli belah semuanya penuh sesak pada setiap hari terutamanya di hari-hari perayaan. Tetapi yang anehnya hampir setiap orang pula menyuarakan perasaan himpitan dan juga bahang peningkatan sara hidup. Malah, melalui paparan temuramah di kaca-kaca TV, kita dapat menyaksikan, hampir kesemua orang yang ditemu ramah itu melahirkan perasaan bimbang dan keluh kesah dengan bebanan peningkatan sara hidup harian, kerana mengikut mereka, pendapatan mereka tidak lagi dapat menampung peningkatan sara hidup tersebut.

#### **Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah.....**

Betul atau tidak hakikat yang dirasai oleh kebanyakan ahli masyarakat ini, tidak akan dibahas oleh khatib, tetapi yang mahu kita bahas dan yang mahu kita huraikan pada kali ini ialah, kenapa wujud perasaan seperti itu ? dan adakah pensyariatan ibadah zakat ini menambahkan lagi beban tersebut atau sebaliknya membawa kepada simpulan seribu hikmah kebaikan, kelabaaan dan keredaan. Dalam hubungan ini, sekali lagi kita diingatkan bahawa Allah s.w.t. akan menguji kita dengan sedikit kesukaran, sama ada nantinya kita akan terus bersabar melaksanakan perintah Allah atau sebaliknya. Allah s.w.t berfirman di dalam surah al-Baqarah:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ  
وَالثَّمَرَاتِ <sup>قُلْ</sup> وَدَشِرَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Maksudnya:

*“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”.*

(QS al-Baqarah [2] : 155)

Untuk kita memahami dan menyedari sejauh manakah signifikannya ibadah zakat dalam kehidupan kita, maka marilah kita sama-sama meneliti semula antara hikmah-hikmah disebalik penghayatan ibadah zakat ini.

**Pertama :** Allah s.w.t menguji kita dengan perasaan bimbang dan keluh kesah seperti ini adalah supaya kita sentiasa bersabar dan berterusan menjalankan ibadah yang telah diperintahkan ke atas kita. Allah s.w.t telah mengingatkan kita supaya membersihkan harta kekayaan kita yang ada dengan mengeluarkan zakat, kerana bahagian itu sebenarnya sudah menjadi hak asnaf dan bukan lagi menjadi hak kita. Firman Allah s.w.t:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

❦ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ

أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيرِ

الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾

Maksudnya:

“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang, dan (ingatlah) Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik”.

(QS Ali-Imran [3] : 133-134)

Ayat al-Quran ini, mengisyaratkan kepada kita supaya, bersegera melakukan kebajikan dengan mengeluarkan nafkah berupa zakat daripada harta yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada kita. Hamba-hamba Allah yang melaksanakan ibadah zakat ini, akan dijauhkan oleh Allah s.w.t daripada perasaan takut, bimbang dan perasaan himpitan hidup di dunia. Ini kerana ibadah zakat akan menanam perasaan kasih sayang sesama insan dan menyuburkan perasaan tenang di dalam diri orang yang mengeluarkan zakat.

Allah s.w.t telah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ  
سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya:

“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”

(QS al-Taubah [9] : 103)

#### Kaum Muslimin Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah.....

Hikmah yang kedua : Zakat merupakan ibadah kita kepada Allah s.w.t, dengan mengeluarkan zakat, kita sebenarnya telah menegakkan satu bentuk ibadah kepada Allah, yang merupakan perkara asas atau perkara yang paling fundamental dalam agama Islam.

Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

*“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar”.*

(QS al-Bayyinah [98] : 5)

Ibadah Zakat juga merupakan rukun kepada agama Islam, tanpa kita mengeluarkan zakat, keislaman kita menjadi pincang, seperti rumah yang tidak cukup tiang atau bagai kenderaan yang berjalan tanpa satu roda. Inilah ibarat gambaran seorang muslim yang punya harta kekayaan tetapi tidak melaksanakan ibadah zakat dari hartanya. Seterusnya Rasul s.a.w. bersabda dalam satu hadis bagi mengingatkan kita, betapa Islam itu terbina dengan lima asas utama, di mana tanpa kombinasi lima perkara ini agama kita pastinya, tidak akan terpamer dengan sempurna. Daripada Ibnu Umar r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ وَحَجِّ الْبَيْتِ لِمَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Bermaksud:

*“Islam terbina atas lima perkara; bersaksi bahawa tidak ada yang berhak disembah kecuali Allah dan Muhammad Rasul Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, puasa di bulan Ramadan dan mengerjakan Haji di Baitullah bagi orang yang mampu.”*

(HR al-Bukhari dan Muslim)

## Sidang Jemaah Yang Dimuliakan Sekalian.....

Dari sudut kedudukan hukum pula, ibadah zakat ini adalah sama seperti juga hukum ibadah solat lima waktu, perkara ini dapat diperhatikan dalam banyak ayat al-Quran, di mana Allah s.w.t mengiringi perintah zakat ini dengan solat, agar kita tidak hanya mengutamakan hak dan hubungan kita dengan Allah sahaja iaitu *hablu minallah*, akan tetapi juga kita perlu mengimbangnya dengan hak dan hubungan kita sesama insan iaitu *hablu minanaas*.

Firman Allah s.w.t surah al-Nur ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

*“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul Allah supaya kamu beroleh rahmat.”*

(QS al-Nur [24] : 56)

Ayat al-Quran ini, adalah antara ayat-ayat yang menyentuh perintah ibadah solat dengan perintah ibadah zakat secara beriringan. Ringkasnya, Penyempurnaan kepada kedua-dua kewajiban ini adalah sama pentingnya dilihat dari segi hukum aini atau tuntutan individu dan juga dilihat dari segi tuntutan pembangunan bangsa dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الرَّكْعِينَ ﴿٤٣﴾



Maksudnya:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”

(QS al-Baqarah [2] : 43)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ آيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.